

Tenaga Elektrik, Dapur Moden dan Transformasi Wanita di Kuala Lumpur, 1927–1940

Electricity, Modern Kitchen and the Transformation of Women in Kuala Lumpur, 1927–1940

MOHAMAD KHAIRUL ANUAR MOHD ROSLI

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
khairulanuarrosli@usm.my

Published online: 31 May 2024

To cite this article: Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli. 2024. Tenaga elektrik, dapur moden dan transformasi wanita di Kuala Lumpur, 1927–1940. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 31(1): 207–229. <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.1.10>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.1.10>

***Abstract.** Entering the 20th century, electricity began to be used commercially in Kuala Lumpur. Electricity supply, initially limited to the mining sector and streetlights, were later expanded to become the main source of power for the domestic sector, especially residences since the late 1920s. The provided supply of electricity influenced residents to then use electrical appliances, thus making domestic daily life more comfortable and easier. Women were identified as the consumer group with the most noticeable change in daily chores in the kitchen, following this development in domestic technology. This study aims to examine how electricity supply in residences triggered a transformation among women in Kuala Lumpur between 1927 until 1940. This article uses the qualitative approach by analysing primary and secondary sources. The findings show women realise the importance of electricity and worked to adapt its uses into their daily work in the kitchen. Electricity supply for kitchen, led women to turn to electrical appliances and then learn how to use them. This development has encouraged these women to improve their skills and abilities in food preparation. Therefore, it is clear that domestic chores did not hinder women from absorbing rapid technological advances in Kuala Lumpur as something beneficial in their daily chores.*

***Keywords and phrases:** electrical appliances, food preparation, cooking classes, Electrical Department, domestic technology*

Abstrak. Memasuki abad ke-20, penggunaan tenaga elektrik mula dikomersialkan di Kuala Lumpur. Penyediaan tenaga elektrik yang pada awalnya terhad untuk sektor perlombongan

dan lampu jalan kemudiannya telah diperluaskan sehingga menjadi sumber tenaga utama untuk sektor domestik khususnya rumah kediaman mulai penghujung tahun 1920-an. Tenaga elektrik yang disediakan telah mempengaruhi penduduk untuk menggunakan barangan elektrik sekali gus menjadikan kehidupan harian di rumah lebih selesa dan mudah. Wanita didapati merupakan kumpulan pengguna yang telah menunjukkan perubahan besar dari segi tugas harian mereka di dapur kesan perkembangan teknologi domestik tersebut. Kajian ini bertujuan mengkaji bagaimana penyediaan tenaga elektrik di rumah telah mencetuskan transformasi dalam kalangan wanita di Kuala Lumpur sekitar tahun 1927 hingga 1940. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati wanita menyedari kepentingan tenaga elektrik dan berusaha untuk menyesuaikan penggunaan tenaga tersebut dalam menjalankan kerja-kerja harian mereka di dapur. Penyediaan tenaga elektrik di dapur menyebabkan wanita beralih kepada penggunaan barangan elektrik dan berusaha untuk menguasai cara-cara penggunaan barangan tersebut. Perkembangan ini mendorong wanita untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kecekapan mereka dalam penyediaan makanan. Justeru, keadaan ini jelas menunjukkan bahawa tugas di dapur tidak menghalang wanita untuk menyerap kemajuan teknologi yang sedang berkembang pesat di Kuala Lumpur untuk dimanfaatkan dalam melaksanakan tugas harian mereka.

Kata kunci dan frasa: barangan elektrik, penyediaan makanan, kelas masakan, Jabatan Elektrik, teknologi domestik

Pengenalan

Dapur, tempat makanan disediakan, dimasak dan disimpan yang mewakili satu ruangan kecil terletak di bahagian belakang rumah kediaman boleh dijadikan sebagai titik permulaan yang sangat berguna untuk menjelaskan transformasi wanita khususnya suri rumah di Kuala Lumpur pada awal abad ke-20. Sinonim dengan tanggungjawab menguruskan rumah tangga, ruangan dapur boleh disifatkan sebagai tempat bekerja utama bagi wanita. Tidak kira sama ada suri rumah sepenuh masa atau mereka yang berkerjaya, wanita tidak terlepas dengan kerja-kerja domestik seperti memasak. Malah sejak dari kecil lagi, wanita telah diberi pendedahan tentang tanggungjawab menguruskan hal-hal yang berkaitan rumah tangga dengan membantu ibu mereka memasak dan sebagainya (Swettenham 1906, 151; Wright 1908, 225). Berbeza dengan ruangan lain di dalam rumah seperti bilik tidur, ruang tamu dan ruang makan, wanita lebih banyak menggunakan tenaga dan masa menjalankan kerja-kerja harian di dapur. Sekiranya bilik tidur dan ruang tamu dijadikan tempat untuk berehat manakala ruang makan sebagai tempat untuk menikmati makanan bersama ahli keluarga, dapur pula merupakan tempat wanita menjalankan tugas hakiki mereka iaitu menyediakan makanan. Hal ini seperti yang digambarkan oleh Bird (1884) berdasarkan catatan pengembaraannya di Tanah Melayu bahawa “cooking and other domestic operations are carried on and which seems given up to the women”. Malah sekiranya dilihat dalam konteks

masyarakat di Singapura, komuniti Hindu dan Muslim menganggap memasak sebagai “the most sacred domestic activity other than purely religious ones and kitchen formed an important element of women’s territory” (Yeoh 1996, 160). Bagi komuniti Cina pula, makanan diberi keutamaan yang tinggi dalam kehidupan harian mereka (Edwards 2019, 150). Secara tradisi, masyarakat Cina melihat dapur sebagai tempat bagi wanita yang digunakan untuk menunjukkan tanggungjawab mereka sebagai suri rumah (Gin 1992, 70). Merujuk kepada pemodal Eropah pula, walaupun mereka memiliki pembantu rumah untuk menguruskan kerja-kerja domestik, namun *memsahib* (istilah yang digunakan merujuk kepada wanita Eropah yang menjadi isteri kepada pemilik rumah) turut terlibat menguruskan dapur. Justeru tidak kira status seseorang wanita, mereka masih lagi mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan dapur dan penyediaan makanan. Hampir sepanjang hari wanita akan berada di dapur untuk memasak makanan buat ahli keluarganya. Bermula dengan sarapan pagi, diikuti dengan makan tengah hari sehinggalah penyediaan makan malam telah menjadi rutin harian wanita di dapur. Malah, mereka juga perlu menyediakan pelbagai jenis makanan dalam satu-satu masa. Lebih-lebih lagi bagi keluarga Cina, tugas memasak begitu dititikberatkan kerana mereka seringkali mengadakan majlis perayaan dan makan malam yang melibatkan banyak jenis hidangan (Edwards 2019, 154).

Walaupun berada di dalam rumah dan bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja di dapur, wanita tidak ketinggalan dalam menghadapi proses pemodenan yang mula mengambil tempat di Kuala Lumpur sekitar awal abad ke-20. Proses pembedaan di Kuala Lumpur yang menyaksikan pembinaan rumah kediaman yang dicirikan dengan ciri-ciri moden menggunakan batu bata bagi menggantikan kayu seterusnya penyediaan kemudahan asas menjadi titik permulaan kepada transformasi wanita.¹ Misalnya, penyediaan bekalan air bersih sama ada disalurkan menerusi paip terus ke rumah atau menerusi tangki air awam telah memudahkan lagi kehidupan harian (Gullick 2017, 88; Norhafizah 2015, 263–264). Justeru, wanita tidak perlu lagi pergi ke sungai untuk mendapatkan bekalan air atau mencuci pakaian. Sebelum diperkenalkan dengan kemudahan bekalan air, wanita biasanya akan ditemani oleh anak perempuan mereka untuk mengambil air di sungai pada waktu pagi dan petang (Swettenham 1906, 151). Walaupun demikian, perubahan ketara yang dialami oleh wanita dalam konteks rumah kediaman dapat dilihat setelah pengenalan kemudahan bekalan elektrik. Tidak hanya memudahkan, penggunaan tenaga elektrik telah mengubah corak tugas harian wanita di dapur. Wanita tidak perlu lagi bersusah payah membakar kayu api atau arang untuk memasak yang mendedahkan mereka dengan asap, sebaliknya boleh melakukan kerja-kerja tersebut dengan mudah dan cepat dengan hanya menggunakan barangan elektrik. Oleh itu, tenaga elektrik boleh disifatkan sebagai “pembantu” yang sangat berguna

dan cekap kepada wanita. Ditambah pula dengan ruangan dapur yang dilengkapi barangan elektrik, menjadikan keadaan ini sebagai pencetus kepada proses transformasi dalam kalangan wanita.²

Perkembangan kemudahan bekalan elektrik untuk kegunaan domestik menjelang penghujung tahun 1920-an secara tidak langsung menyebabkan barangan elektrik yang dikhususkan untuk digunakan di rumah mula diperkenalkan di Kuala Lumpur. Beberapa barangan elektrik yang sememangnya dicipta khas untuk kegunaan di dapur seperti peti ais, pembakar roti, pembancuh kopi dan dapur elektrik semakin mendapat tempat dalam kalangan penduduk tempatan. Walaupun barangan elektrik yang digunakan bersaiz kecil, namun situasi ini merupakan lensa yang sangat penting dalam melihat perubahan sosiobudaya yang berlaku di bandar Kuala Lumpur semasa era kolonial. Penelitian terhadap hubungan antara penggunaan teknologi domestik iaitu tenaga dan barangan elektrik dengan kehidupan harian penduduk di rumah kediaman sangat menarik dalam memahami perkembangan sosiobudaya dari perspektif yang berlainan. Berbeza dengan kajian tentang sistem pemerintahan, ekonomi mahupun urbanisasi yang telah diteroka secara meluas, kajian yang memfokuskan kepada penggunaan teknologi harian di Kuala Lumpur masih belum diberi perhatian oleh para pengkaji. Walhal, terdapat pelbagai barangan berteknologi moden dari Eropah telah memasuki pasaran Kuala Lumpur sekitar tahun 1920-an dan 1930-an. Tanpa kajian khusus berkenaan isu ini menyebabkan timbul kesukaran untuk mengenal pasti pengenalan dan implikasi penggunaan barangan tersebut dalam kehidupan harian penduduk. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji bagaimana penyediaan tenaga elektrik di rumah kediaman telah mencetuskan transformasi kepada wanita di Kuala Lumpur sekitar tahun 1927 sehingga 1940. Kajian memfokuskan kepada Kuala Lumpur kerana Kuala Lumpur merupakan bandar utama di Tanah Melayu yang menyaksikan perkembangan kemudahan bekalan elektrik yang sangat pesat. Selain berfungsi sebagai pusat pentadbiran British, Kuala Lumpur juga merupakan bandar yang menjadi tumpuan penduduk. Bilangan penduduk kawasan ini didapati menunjukkan peningkatan yang drastik daripada 25,000 orang pada tahun 1895 kepada 80,424 orang menjelang tahun 1920. Sehingga penghujung tahun 1930-an, bilangan penduduk di Kuala Lumpur mencecah 138,425 orang (Norhafizah 2015, 261). Pemilihan tahun 1927 sebagai permulaan kajian adalah kerana penggunaan tenaga elektrik pada ketika itu mula dikomersialkan oleh Jabatan Elektrik dengan melibatkan pengguna domestik. Terdapat pelbagai barangan elektrik untuk kegunaan di rumah kediaman telah dibawa masuk dan penggunaan barangan tersebut dalam kalangan penduduk di Kuala Lumpur turut digalakkan. Walaupun tenaga elektrik telah diperkenalkan sejak penghujung tahun 1890-an, namun sebelum tahun 1927, penggunaan tenaga ini hanya terhad kepada sektor perlombongan bijih timah dan kegunaan awam seperti lampu jalan. Perbincangan dihadkan sehingga tahun 1940 kerana semasa tempoh tersebut, pihak kerajaan mengambil langkah memusnahkan kemudahan

bekalan elektrik khususnya di Kuala Lumpur dan Tanah Melayu secara umumnya berikutan kemaraan tentera Jepun. Keadaan ini menyebabkan penjana tenaga elektrik menunjukkan kemerosotan sekali gus menjejaskan pembekalan elektrik kepada pengguna.

Sorotan Kajian

Kajian yang mengkhususkan kepada sejarah teknologi domestik ini sangat penting dan wajar untuk diberi perhatian kerana mampu memberi gambaran baharu dan berbeza dalam meneliti perkembangan wanita di Kuala Lumpur semasa era kolonial. Hal ini demikian kerana kajian berkenaan perkembangan wanita sebelum ini dilihat masih lagi terikat dalam kerangka perbincangan yang besar seperti dalam aspek kesihatan, pendidikan dan ekonomi. Malah, kajian-kajian terbaharu berkenaan sejarah wanita masih lagi memfokuskan kepada aspek tersebut. Misalnya, Noraini (2022) menjelaskan perkembangan dalam kalangan wanita di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang mula menerima perkhidmatan kesihatan moden yang diperkenalkan oleh pihak British. Kajian menunjukkan terdapat perubahan sikap dan tanggapan wanita terhadap perkhidmatan kesihatan moden bagi menggantikan kaedah rawatan tradisional. Walaupun kewujudan unsur baharu dalam kehidupan wanita ditunjukkan, namun fokus tersebut masih lagi berkisar kepada aspek kesihatan. Sementara itu, Arba'iyah (2020) menyatakan penerimaan wanita terhadap sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak British telah membawa perubahan besar kepada peranan dan sumbangan mereka dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Norazilawati (2022) pula menunjukkan penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi iaitu penanaman padi di Terengganu pada awal abad ke-20 telah menyumbang kepada peningkatan taraf hidup mereka. Oleh itu, keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kajian berkenaan wanita sehingga kini masih belum menunjukkan kelainan dari segi tema perbincangan sedangkan rumah kediaman terutamanya dapur yang lebih dekat dengan kehidupan wanita pula tidak dijadikan titik permulaan dalam meneliti perubahan yang dialami oleh mereka.

Pada masa yang sama, kajian yang mengaitkan wanita dengan penggunaan teknologi moden seperti tenaga mahupun barangan elektrik juga masih belum diberi perhatian sekali gus menawarkan pelbagai isu menarik untuk diteroka. Kajian sedia ada didapati hanya tertumpu kepada aspek tadbir urus dan pembangunan sahaja tanpa menganalisis implikasi isu tersebut kepada pengguna. Salah satu daripada kajian sedia ada ialah kajian oleh Tate (1989) bertajuk *Power Builds the Nation* yang membincangkan secara meluas berkaitan perkhidmatan bekalan elektrik di Tanah Melayu sejak diperkenalkan pada tahun 1890-an sehingga tahun 1945. Namun perbincangan beliau tertumpu kepada aspek pembangunan infrastruktur dan tidak memberi penjelasan dari aspek penggunaan tenaga elektrik mahupun

implikasi penggunaan tenaga tersebut dalam kehidupan harian para pengguna. Sementara itu, Gullick (2017) dalam bukunya *A History of Kuala Lumpur, 1856–1939* turut membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan kemudahan bekalan elektrik. Perbincangan berkenaan aspek pembangunan didapati telah dibuat secara ringkas kerana buku tersebut memberi tumpuan terhadap pelbagai aspek berkaitan bandar Kuala Lumpur. Sementara itu, kajian Mohamad Khairul Anuar dan Ahmad Kamal Ariffin (2018a) pula membincangkan perkembangan perkhidmatan bekalan elektrik di NNMB sebelum tahun 1940. Walaupun kajian tersebut memberi perhatian kepada penggunaan tenaga elektrik dan implikasi penggunaan tenaga tersebut, namun tumpuan terbatas kepada aspek ekonomi seperti peluang pekerjaan, perniagaan berasaskan elektrik dan penggunaan tenaga elektrik dalam sektor ekonomi iaitu perlombongan bijih timah. Kesemua implikasi tersebut dibincangkan secara umum dan tidak memfokuskan kepada wanita. Kajian lain yang dihasilkan oleh Mohamad Khairul Anuar dan Ahmad Kamal Ariffin (2018b) menunjukkan peralihan daripada penggunaan tenaga buruh kepada tenaga elektrik telah memodenkan sektor perlombongan bijih timah di Selangor dan Perak. Sungguhpun demikian, perbincangan berkenaan tidak menyentuh penggunaan tenaga elektrik dalam sektor domestik sedangkan penyediaan sumber tenaga tersebut untuk kegunaan di rumah telah bermula sekitar penghujung tahun 1920-an. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan tenaga elektrik di rumah dan bagaimana perkembangan ini menjadi pencetus kepada proses transformasi dalam kalangan wanita di Kuala Lumpur sekitar tahun 1927 hingga 1940.

Metodologi Kajian

Kajian berkenaan transformasi wanita di Kuala Lumpur kesan daripada penggunaan teknologi domestik dalam melaksanakan tugas harian mereka di dapur dilakukan menggunakan kaedah kualitatif. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan ialah Laporan Tahunan Jabatan Elektrik yang diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Penggunaan sumber tersebut sangat penting kerana sumber ini merupakan rekod khusus yang mencatatkan perkembangan kemudahan bekalan elektrik di Kuala Lumpur. Selain itu, kajian ini turut menggunakan akhbar sebagai sumber kajian dengan meneliti rencana yang disiarkan berkaitan dengan fokus kajian. Akhbar mempunyai kekuatan dan kelebihan yang tersendiri kerana memberi gambaran yang melibatkan pelbagai aspek berhubung kehidupan harian penduduk termasuklah di rumah kediaman mereka. Proses analisis sumber-sumber tersebut dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan statistik yang berkaitan bagi menghasilkan perbincangan secara terperinci.

Penyediaan Bekalan Elektrik di Rumah Kediaman


Kuala Lumpur mengalami perubahan fizikal yang sangat ketara sejak pembukaan kota ini lagi. Daripada sebuah pekan perlombongan yang kecil, Kuala Lumpur kemudiannya berubah menjadi sebuah bandar yang sangat moden. Kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran NNMB, bandar utama yang menjadi tumpuan ahli perniagaan Eropah dan Cina serta pusat kegiatan ekonomi memberi kelebihan dari segi penyediaan kemudahan asas. Jabatan-jabatan kerajaan yang ditubuhkan sejak penghujung abad ke-19 untuk menguruskan hal ehwal pemandaran seperti Jabatan Kerja Raya dan Sanitary Board Kuala Lumpur berusaha membangunkan pelbagai kemudahan asas moden. Kemunculan tenaga elektrik sebagai sumber tenaga yang cekap menyebabkan usaha untuk membangunkan sumber ini sebagai salah satu bentuk kemudahan asas mula diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Sejak awal tahun 1899, pihak kerajaan telah melabur dalam industri tenaga elektrik dengan membina sebuah stesen jana kuasa di Hulu Gombak, Selangor (Selangor Secretariat File 4648/1921 1921). Jurutera negeri, Charles Edwin Spooner telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan pembinaan stesen jana kuasa di Sungai Gombak, Selangor (Selangor Secretariat File 3921/1901 1901). Stesen jana kuasa yang siap dibina pada tahun 1905 membekalkan tenaga elektrik untuk kegunaan awam seperti lampu di bangunan kerajaan, rumah kediaman dan jalan raya (Sharples 1964, 2). Sehingga tahun 1906, sebanyak enam buah bangunan kerajaan, 102 buah rumah kerajaan dan persendirian mendapat bekalan elektrik. Menjelang tahun 1917, sebanyak 1,708,832 unit tenaga elektrik telah dijual sebelum meningkat kepada 2,233,988 unit pada tahun berikutnya (*Report on the Public Works Department for the Year 1918* 1918, 8). Memasuki awal tahun 1920-an, pihak kerajaan telah menambah baik perkhidmatan bekalan elektrik di Kuala Lumpur sesuai dengan permintaan dalam sektor perlombongan bijih timah yang semakin menggalakkan. Bagi memenuhi keperluan pengusaha lombong, sebuah stesen jana kuasa telah dibina di Bangsar, Kuala Lumpur, pada tahun 1927 dengan keupayaan penjanaan 9,000 kW (Selangor Secretariat File 363/1924 1924). Pada tahun 1930, kapasiti Stesen Jana Kuasa Bangsar telah ditingkatkan kepada 19,000 kW (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department* 1930, 5). Sebahagian besar tenaga elektrik yang dijana dibekalkan kepada pengusaha lombong bijih timah yang mula beralih kepada penggunaan jentera seperti kapal korek dan motor elektrik bagi menggantikan cangkul dan bakul rotan dalam menjalankan kerja-kerja melombong (Ken 1965, 196–203; Hoong 1969, 127–132).

Pembinaan Stesen Jana Kuasa Bangsar pada tahun 1927 menjadi titik permulaan yang sangat penting kepada perkembangan pembekalan elektrik untuk sektor domestik. Keupayaan Stesen Jana Kuasa Bangsar untuk menjana tenaga elektrik dalam kapasiti yang besar dilihat berupaya untuk dibekalkan kepada pelbagai

sektor kepenggunaan di Kuala Lumpur. Penyediaan bekalan elektrik sebelum ini yang tertumpu kepada sektor perlombongan bijih timah dan kegunaan awam seperti lampu jalan telah dipelbagaikan dengan melibatkan pengguna domestik. Justeru, Jabatan Elektrik telah memainkan peranan aktif dengan menggalakkan penduduk tempatan menggunakan tenaga elektrik di rumah kediaman mereka. Hal ini demikian kerana sektor domestik dikenal pasti sebagai kumpulan pengguna yang berpotensi untuk menggunakan tenaga elektrik sepanjang hari sekali gus memberi keuntungan kepada Jabatan Elektrik (*Selangor Administration Report for the Year 1930* 1930, 15). Misalnya, penggunaan barangan elektrik seperti peti ais dan kipas yang beroperasi sepanjang masa menyebabkan penggunaan tenaga elektrik secara berterusan sedangkan dalam sektor perlombongan bijih timah, walaupun melibatkan penggunaan tenaga elektrik dalam kuantiti yang besar, namun penggunaan tenaga elektrik hanya terhad pada waktu siang sahaja. Bagi memastikan bekalan elektrik tersedia di rumah kediaman penduduk, terdapat dua aspek penting yang telah diberi tumpuan oleh Jabatan Elektrik iaitu penyambungan talian penghantaran dan pengurusan sistem pendawaian elektrik di dalam rumah. Penyambungan talian penghantaran dibuat menggunakan sesalur atas dengan membina tiang-tiang elektrik dan sesalur bawah tanah yang menghubungkan stesen jana kuasa dengan kawasan-kawasan petempatan. Pada tahun 1927, kerja-kerja penyambungan talian penghantaran dibuat melibatkan kawasan sejauh 117 batu (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1927*, 6). Menjelang tahun 1939, Jabatan Elektrik telah berjaya menghubungkan kawasan seluas 546 batu dengan rangkaian pembekalan (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1939*, 62). Antara kawasan yang terlibat ialah Pudu Road, Market Street, Hospital Road, High Street, Rodger Street, Ampang Road, Brickfields Road, Batu Road dan Club Road.

Sementara itu, pemasangan sistem pendawaian di dalam rumah pula melibatkan pemasangan soket, plag dan wayar elektrik di dinding. Pemasangan peranti-peranti ini sangat penting kerana rumah-rumah yang terdapat di Kuala Lumpur tidak dilengkapi dengan sistem tersebut. Pada tahun 1929, kerja-kerja pemasangan sebanyak 1,766 sistem pendawaian di rumah kediaman telah dibuat oleh Jabatan Elektrik untuk memudahkan pengguna menyambung sistem berkenaan dengan lampu, kipas, pemanas air dan dapur elektrik (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1929*, 6). Dalam tempoh setahun berikutnya, terdapat tambahan sebanyak 1,874 pemasangan sistem pendawaian telah dilaksanakan oleh Jabatan Elektrik di rumah kediaman (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1930*, 8). Keperluan untuk membuat kerja-kerja pendawaian yang semakin meningkat berikutan peralihan penduduk kepada penggunaan barangan elektrik menyukarkan Jabatan Elektrik untuk melaksanakan tugas tersebut. Oleh itu, Jabatan Elektrik telah melantik kontraktor untuk membantu menguruskan pemasangan sistem pendawaian. Pada tahun 1930, sebanyak 1,748 pemasangan

sistem pendawaian telah dibuat oleh pihak kontraktor di rumah kediaman termasuklah 223 pengguna baharu untuk kegunaan pemanas air dan dapur elektrik (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1930*, 8). Walaupun sebahagian kerja-kerja pemasangan tersebut diserahkan kepada pihak kontraktor, kakitangan Jabatan Elektrik akan melakukan pemeriksaan terlebih dahulu sebelum pengguna menggunakan sistem berkenaan (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1937*, 6). Langkah ini bagi menjamin keselamatan pengguna semasa menggunakan bekalan elektrik di samping memenuhi permohonan pemasangan sistem pendawaian yang semakin meningkat. Namun menjelang tahun 1930-an, kerja-kerja pemasangan sistem pendawaian semakin berkurangan berikutan ketetapan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan supaya setiap rumah baharu yang dibina perlu dilengkapi dengan kemudahan seperti soket, plag, sistem pendawaian elektrik dan sebagainya untuk memudahkan pengguna menggunakan barangan elektrik (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1939*, 16). Kerja-kerja yang dijalankan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi penggunaan tenaga elektrik untuk sektor domestik.



Rajah 1. Penggunaan tenaga elektrik dalam sektor domestik (1927–1939)

Sumber: Annual Report and Accounts of the Electrical Department (1927–1939)

Mulai tahun 1930, kebanyakan rumah kediaman di Kuala Lumpur tidak hanya dilengkapi dengan sistem pendawaian untuk pembekalan elektrik, tetapi juga memperlihatkan penggunaan tenaga elektrik secara intensif. Rajah 1 membuktikan berlaku trend peningkatan penggunaan tenaga elektrik untuk sektor domestik di Kuala Lumpur bermula tahun 1927 hingga 1939. Walaupun penggunaan tenaga elektrik pada tahun 1938 menunjukkan penurunan kepada 2,657,737 unit berbanding 3,668,344 unit pada tahun sebelumnya, hal ini tidak melibatkan pembekalan dalam kalangan pengguna di rumah kediaman. Buktinya, bilangan pengguna domestik menunjukkan peningkatan daripada 9,356 pengguna pada

tahun 1937 kepada 10,055 pengguna pada tahun berikutnya (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department* 1938, 23). Sebaliknya, penggunaan tenaga elektrik pada tahun 1937 yang menunjukkan peningkatan secara drastik disebabkan pembekalan sementara³ yang dilakukan oleh Jabatan Elektrik berikutan pemasangan lampu hiasan untuk beberapa aktiviti persatuan, pameran dan istiadat pertabalan (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department* 1937, 19).

Pemodenan Ruangan Dapur

Sekitar awal abad ke-20, idea berkenaan dapur moden telah disebarkan dalam kalangan penduduk di Kuala Lumpur. Terdapat banyak rencana berserta gambar yang memaparkan ciri-ciri dapur moden telah disiarkan oleh akhbar tempatan. Bermula dengan sekecil-kecil peralatan seperti sudu, garpu, senduk dan pisau sehinggalah kepada perabot seperti kabinet dan meja makan serta susun atur dapur dijadikan sebagai kayu pengukur kepada ruangan dapur moden (*Morning Tribune* 1938, 14; *Sunday Tribune* 1939, 11). Kemunculan tenaga elektrik kemudiannya telah meletakkan sumber tenaga tersebut sebagai asas penting bagi menentukan tahap kemodenan sesebuah ruangan dapur. Misalnya, akhbar *The Straits Times* (1937a, 3) menyatakan penyediaan tenaga elektrik telah mengubah ruangan dapur ke arah yang lebih moden sekali gus menjadikan keseluruhan kerja-kerja domestik wanita seperti memasak dan membasuh lebih mudah. Perubahan ini disebabkan oleh proses mekanisasi ruangan dapur yang terhasil menerusi penggunaan barangan elektrik sehingga mengangkat dapur sebagai struktur utama bagi sesebuah rumah kediaman.

Perkembangan penggunaan tenaga elektrik di rumah kediaman di Kuala Lumpur secara tidak langsung memberi gambaran bahawa setiap ruangan di dalam rumah mengalami perubahan. Hal ini demikian kerana tenaga elektrik yang dibekalkan di rumah kediaman perlu dihubungkan dengan barangan elektrik untuk membolehkan penduduk mendapat manfaat daripada sumber tenaga tersebut. Dengan kata lain, tanpa barangan elektrik, tenaga yang dibekalkan tidak mempunyai sebarang fungsi kepada kehidupan harian penduduk. Keadaan ini menyebabkan penduduk mula mendapatkan barangan elektrik bagi menggantikan peralatan ringkas seperti dapur kayu dan kuai yang sebelum ini digunakan untuk memasak. Proses peralihan ini sekali gus telah memodenkan ruangan dapur dari segi struktur dan fungsi. Pada asalnya, struktur ruangan dapur terdiri daripada tanur batu bata yang beroperasi secara kaedah pembakaran kayu api atau arang untuk memasak makanan. Kaedah tersebut menjadikan suasana di dapur sangat panas, berasap dan berjelaga. Namun dengan menggunakan tenaga elektrik, ruangan dapur semakin moden dengan hiasan dan susun atur dapur yang lebih kemas dan dilengkapi dengan almari serta kabinet yang menempatkan pelbagai barangan elektrik (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department* 1939, 16). Terdapat beberapa barangan

elektrik yang sememangnya dicipta khusus untuk digunakan di dapur iaitu peti ais, pembakar roti, pemanas air, pembancuh kopi dan dapur elektrik telah menjadi pelengkap kepada pemodenan ruangan tersebut.

Walaupun barangan elektrik yang digunakan merupakan satu bentuk teknologi yang baru muncul dan dihasilkan di Eropah, namun penduduk di Kuala Lumpur tidak berhadapan dengan sebarang masalah untuk memastikan barangan tersebut tersedia di dapur mereka. Peranan yang dimainkan oleh Jabatan Elektrik telah memudahkan penduduk tempatan untuk memodenkan dapur mereka dengan pelbagai barangan elektrik. Pada tahun 1927, Jabatan Elektrik telah menubuhkan Bahagian Penyewaan yang berperanan menyediakan barangan elektrik untuk disewakan kepada penduduk di Kuala Lumpur (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1927*, 10). Selain membeli, khidmat tersebut membolehkan penduduk memiliki barangan elektrik dengan menyewa barangan berkenaan mengikut tempoh yang dikehendaki dan dipulangkan semula sekiranya tidak lagi memerlukan barangan tersebut. Bagi ruangan dapur, terdapat dua jenis barangan elektrik yang ditawarkan oleh Bahagian Penyewaan iaitu dapur elektrik dan peti ais yang mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk tempatan (*Selangor Administration Report for the Year 1930* 1930, 15). Selain itu, Bahagian Penyewaan turut berperanan menyediakan pelbagai maklumat dan khidmat nasihat kepada penduduk berkenaan cara pemilihan dan penggunaan barangan elektrik. Bahagian Penyewaan mengambil langkah dengan mengadakan demonstrasi penggunaan barangan elektrik di pejabat mereka di Lorong Gombak dan ruang pameran di sekitar Kuala Lumpur sebagai pendedahan kepada para pengguna seterusnya menggalakkan penggunaan barangan elektrik dalam kehidupan harian di rumah kediaman. Menerusi pameran yang dianjurkan oleh Malayan Horticultural Association misalnya, Bahagian Penyewaan yang terlibat sebagai pempamer telah mempromosikan pelbagai barangan elektrik untuk diperkenalkan kepada para pengunjung (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1937*, 5). Tidak cukup dengan itu, Bahagian Penyewaan turut menyediakan perkhidmatan membaik pulih barangan elektrik yang dikendalikan oleh juruelektrik yang terlatih. Perkhidmatan ini sangat penting untuk mengelakkan kerugian di samping menjamin keselamatan pengguna semasa menggunakan barangan elektrik. Contohnya pada tahun 1929, sebanyak 176 unit dapur elektrik telah dihantar ke Bahagian Penyewaan untuk dibaik pulih dengan menukar injap (*valve*) dan fius (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1929*, 7).

Perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Penyewaan terbukti telah membantu penduduk di Kuala Lumpur untuk memodenkan ruangan dapur mereka menerusi penggunaan barangan elektrik. Merujuk kepada penggunaan peti ais, walaupun bilangan unit yang disewakan masih terlalu rendah, namun peralatan ini telah

membawa perubahan besar dari segi fungsi dapur sebagai tempat menyimpan bahan mentah seperti sayur-sayuran dan daging. Sebelum pengenalan peti ais, penduduk menyimpan bahan mentah tersebut di dalam kotak kayu yang diisi dengan air batu.⁴ Menjelang penghujung tahun 1920-an, peti ais mula digunakan di rumah-rumah kediaman terutamanya oleh golongan elit. Antara jenama peti ais yang digunakan seperti Frigidaire, Electrolux dan Kelvinator (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1929*, 1). Dapur elektrik didapati merupakan barangan elektrik yang begitu “populer” dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Kuala Lumpur. Bermula dengan hanya lapan unit yang disewakan oleh Bahagian Penyewaan pada tahun 1927, bilangan dapur ini menunjukkan pertambahan sebanyak 103 unit pada tahun berikutnya (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1929*, 47).

Jadual 1. Pertambahan penggunaan barangan elektrik di rumah kediaman di Kuala Lumpur (1927–1939)

Tahun	Dapur elektrik	Peti ais
1927	8	–
1928	103	–
1929	257	1
1930	329	5
1931	330	5
1932	327	5
1933	332	5
1934	326	5
1935	336	6
1936	387	5
1937	468	4
1938	469	1
1939	503	1

Sumber: Annual Report and Accounts of the Electrical Department (1927–1939)

Selain Bahagian Penyewaan, proses pemodenan ruangan dapur di Kuala Lumpur turut dibantu oleh syarikat perniagaan barangan elektrik. Sejak awal abad ke-20, terdapat banyak syarikat yang mengimport dan menjual barangan elektrik telah diasaskan di Kuala Lumpur. Antara syarikat-syarikat tersebut ialah Riley, Hargreaves and Company, Howarth Erskine Limited, United Engineers Limited, Robinson and Company Limited, The General Electric Company Limited, John Little and Company Limited dan Paterson, Simons and Company Limited. Pihak syarikat menggunakan kaedah pengiklanan dalam akhbar sebagai strategi untuk


mempengaruhi dan seterusnya menggalakkan penggunaan barangan elektrik yang dijual. Misalnya, General Electric Company mempromosikan ketuhar dan *magnet electric grill boiler* (plat gril elektrik) yang bersaiz kecil dengan harga serendah \$30 (dolar Selat) hingga \$90 seunit yang sesuai untuk digunakan di ruangan dapur yang sempit (*The Straits Times* 1937b, 12). Selain itu, pihak syarikat turut menjadi pembekal peti ais dan pembakar roti yang diimport dari England (*The Straits Times* 1929, 14; 1937c, 14). Sementara itu, Brinkmann and Company pula menjadi pembekal peti ais jenama Kelvinator yang jimat tenaga di samping mampu menyejukkan ruang dalaman tempat menyimpan makanan dalam tempoh yang singkat (*Malaya Tribune* 1940, 11). Selain mengiklankan barangan yang dijual dalam akhbar, pihak syarikat turut mengadakan pameran di Batu Road, Kuala Lumpur.

Pengaplikasian Teknologi Domestik oleh Wanita

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, dapur merupakan tempat yang begitu sinonim dengan wanita. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam menggerakkan fungsi dapur sebagai tempat menyediakan makanan. Bermula dengan mendapatkan bahan mentah, diikuti dengan penyimpanan bahan sehinggalah kerja-kerja memasak, semuanya dikendalikan oleh wanita. Oleh itu, kemajuan teknologi domestik di Kuala Lumpur yang turut melibatkan ruangan dapur secara tidak langsung telah mentransformasikan kerja-kerja harian wanita dengan menjadikan kerja-kerja ini lebih mudah dan cepat. Penggunaan barangan elektrik telah membawa perubahan kepada kaedah yang dipraktikkan oleh wanita dalam proses penyediaan makanan iaitu dengan hanya memetik suis di dinding. Mereka tidak lagi perlu bersusah payah untuk mendapatkan dan membakar kayu api, arang atau minyak untuk memasak makanan sehingga menjadikan suasana di dapur berselerak. Keadaan ini menyebabkan wanita tidak hanya berbangga dengan ruangan dapur yang kemas, bersih dan cantik dari segi hiasan serta susun atur bahkan juga dari segi penguasaan mereka terhadap alatan yang digunakan. Sungguhpun begitu, hal ini tidak berlaku dengan sekadar penyediaan tenaga dan barangan elektrik semata-mata tetapi menerusi kesungguhan wanita itu sendiri yang berusaha untuk membawa pembaharuan dalam tugas harian mereka.


Sebagai satu bentuk teknologi baharu yang jauh melangkaui pengetahuan mereka, wanita didapati telah mengambil inisiatif untuk memiliki kemahiran menggunakan teknologi tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi penggunaan dapur elektrik yang memerlukan wanita mempraktikkan penggunaan dapur elektrik dengan betul untuk mendapatkan hasil masakan yang sempurna. Justeru, wanita telah mengambil peluang untuk menghadiri kelas masakan dan demonstrasi tatacara pengendalian dapur elektrik dengan betul semasa memasak yang telah dianjurkan

oleh Jabatan Elektrik di ruang pameran jabatan tersebut (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1929*, 7). Contohnya semasa Malayan Horticultural Association Show yang diadakan pada tahun 1937, Jabatan Elektrik dengan slogan “*Better Light – Better Sight*” untuk mempromosikan penggunaan lampu elektrik turut mengambil langkah membina model dapur untuk membuat pertunjukan kaedah menggunakan dapur elektrik kepada para pengunjung (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1937*, 5). Pameran tersebut membolehkan para pengunjung terutamanya dalam kalangan wanita melihat secara langsung cara penggunaan dapur elektrik untuk menyediakan makanan di samping mendapatkan penjelasan lebih lanjut daripada kakitangan Jabatan Elektrik (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1938*, 6). Sambutan yang begitu menggalakkan daripada para pengunjung itu telah mendorong Jabatan Elektrik untuk mempergiatkan lagi demonstrasi menggunakan dapur elektrik dengan membina model dapur di pejabat mereka.



Departmental Stand, M.A.H.A. Exhibition, 1938.

Rajah 2. Model dapur yang digunakan oleh Jabatan Elektrik untuk mengadakan demonstrasi masakan menggunakan barangan elektrik
Sumber: Annual Report and Accounts of the Electrical Department (1938, 6)



Rajah 3. Kelas masakan menggunakan barangan elektrik yang dihadiri oleh wanita
Sumber: Annual Report and Accounts of the Electrical Department (1937, 6)

Selain Jabatan Elektrik, terdapat dua buah persatuan wanita iaitu Kuala Lumpur Girl's Club dan Young Women's Christian Association yang aktif menganjurkan kelas masakan menggunakan barangan elektrik. Kebiasaannya, kelas masakan yang dianjurkan oleh persatuan tersebut diadakan pada waktu petang untuk memberi peluang kepada wanita bekerja untuk turut sama menghadiri kelas yang dianjurkan. Pada tahun 1937, sekurang-kurangnya 41 orang peserta wanita telah menghadiri setiap satu sesi kelas masakan yang diadakan di ruang pameran milik Jabatan Elektrik di Lorong Gombak (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1937, 5*). Strategi Kuala Lumpur Girl's Club dan Young Women's Christian Association dalam meluaskan penggunaan model dapur untuk mengadakan demonstrasi masakan menggunakan barangan elektrik ternyata telah menarik minat wanita di sekitar Kuala Lumpur. Hasilnya, dua kelas masakan berjaya dilaksanakan menjelang tahun 1939 (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1939, 16*). Keadaan ini telah mempengaruhi wanita khususnya suri rumah untuk beralih kepada penggunaan barangan elektrik dalam penyediaan makanan (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1938, 6*). Serentak dengan itu, statistik unit tenaga elektrik yang dijual oleh Jabatan Elektrik kepada pengguna domestik di Kuala Lumpur khusus untuk kegunaan memasak sejak tahun 1928 hingga 1937 menunjukkan peningkatan.

Jadual 2. Penjualan tenaga elektrik untuk kegunaan memasak di Kuala Lumpur (1928–1937)

Tahun	Unit (KW)
1928	138
1929	388
1930	795
1931	1,004
1932	2,348
1933	2,359
1934	2,289
1935	2,477
1936	3,916
1937	3,416

Sumber: Annual Report and Accounts of the Electrical Department (1928–1937)

Di sebalik peningkatan penggunaan tenaga elektrik untuk memasak telah membuktikan bahawa wanita berjaya menguasai kemahiran menggunakan barangan elektrik dalam penyediaan makanan. Dari satu sudut yang lain, mereka memiliki kemahiran memasak yang jauh lebih baik berbanding sebelum ini. Hal ini sebagaimana dilaporkan oleh Jabatan Elektrik yang menyatakan, “After a little practice, the housewife proved themselves to be expert cooks, and with the knowledge which they gained during the lectures became a symbolic of modernity and progress” (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1939*, 16). Kecekapan wanita dapat dilihat menerusi penyediaan pelbagai jenis masakan dalam satu-satu masa sekali gus mengurangkan masa mereka di dapur. Dengan menggunakan dapur elektrik, wanita dapat melakukan kerja-kerja merebus, menggoreng dan memanggang secara serentak (*Pinang Gazette and Straits Chronicle 1938*, 9). Wanita didapati tidak hanya menunjukkan kecekapan mereka dalam memasak malah berupaya mempelbagaikan lagi jenis hidangan termasuklah makanan bercirikan Barat. Menerusi penggunaan dapur elektrik yang dilengkapi alat kawalan suhu secara automatik membolehkan wanita menyediakan adunan untuk membuat ais krim, salad, puding, kek, roti dan sebagainya (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department 1937*, 5). Malah, keupayaan menggunakan dapur elektrik juga dapat memastikan kualiti makanan yang dimasak lebih terjamin. Berbanding dapur kayu yang memerlukan wanita untuk sentiasa mengawasi dan mengawal api, penggunaan dapur elektrik lebih mudah kerana dapat diselaraskan menggunakan alat kawalan suhu. Kemudahan ini sangat penting untuk memastikan api yang digunakan semasa memasak bersesuaian dengan pelbagai jenis bahan masakan. Dengan itu, kandungan vitamin dapat dikekalkan dalam sayur yang

dimasak, begitu juga dengan stik yang dipanggang dengan lebih sempurna (*Malaya Tribune* 1936, 8). Berdasarkan perbandingan yang dilakukan, penggunaan dapur elektrik didapati mampu mengurangkan kehilangan berat daging semasa dimasak berbanding menggunakan dapur arang dan dapur gas.

Jadual 3. Peratusan kehilangan berat daging semasa proses memasak

Jenis daging	Dapur arang	Dapur gas	Dapur elektrik
Daging lembu	41.3	24.0	10.4
Rusuk lembu	31.0	19.0	9.8
Daging kambing	29.7	27.3	15.8
Daging khinzir	39.6	–	14.3

Sumber: *Pinang Gazette and Straits Chronicle* (1913, 3)

Selain meningkatkan kecekapan dalam kerja-kerja memasak, peralihan wanita kepada penggunaan barangan elektrik telah membantu mengurangkan perbelanjaan harian. Mereka tidak lagi perlu bergantung kepada bahan bakar seperti kayu api, arang dan minyak yang menunjukkan peningkatan harga menjelang tahun 1920-an. Secara umumnya, bekalan kayu api dan arang diperoleh sebanyak 5 kati hingga 10 kati untuk kegunaan dua hari (Edwards 2019, 155). Keadaan ini memerlukan bekalan diperoleh sekerap mungkin di samping melibatkan penggunaan ruang di dapur sebagai tempat simpanan. Walaupun demikian, penggunaan dapur elektrik telah memudahkan lagi tugas wanita di dapur kerana bekalan elektrik yang sentiasa tersedia untuk digunakan pada bila-bila masa. Tambahan pula, Jabatan Elektrik sentiasa menyesuaikan semula tarif elektrik untuk memastikan tenaga ini dibekalkan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Sebagai contoh pada tahun 1936, Jabatan Elektrik telah menurunkan kadar bayaran tenaga elektrik kepada 4 sen seunit daripada 15 sen yang dikenakan pada tahun 1926 (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department* 1936, 1). Begitu juga dengan penggunaan peti ais yang dapat mengurangkan perbelanjaan membeli air batu untuk mengekalkan kesegaran sayur-sayuran, daging, susu dan sebagainya. Sebelum diperkenalkan dengan peti ais, wanita perlu pergi ke pasar setiap hari untuk membeli bahan mentah.⁵ Sementara itu, bekalan air batu pula akan dihantar setiap hari atau sekurang-kurangnya dua kali dalam seminggu. Air batu tersebut diletakkan di dalam kotak kayu yang digunakan untuk menyimpan bahan mentah. Kaedah penyimpanan ini ternyata melibatkan kos yang tinggi selain tidak memberi jaminan kepada kesegaran mahupun kualiti bahan mentah. Justeru, penggunaan peti ais menyebabkan wanita tidak lagi perlu pergi ke pasar setiap hari dan bergantung kepada bekalan air batu. Malah, bahan mentah boleh dibeli dalam kuantiti yang banyak untuk disimpan di dalam peti ais dengan kaedah penyimpanan yang lebih yang terjamin.⁶

Tidak hanya memudahkan proses penyimpanan dan penyediaan makanan, penggunaan dapur elektrik juga telah memberi satu bentuk jaminan keselamatan kepada wanita. Dapur seringkali digambarkan sebagai satu ruangan yang sangat panas, berasap dan berbahaya disebabkan proses pembakaran yang dilakukan semasa memasak. Keadaan ini mendedahkan wanita mahupun dapur dan rumah dengan risiko kebakaran. Hal ini dibuktikan melalui banyak laporan berkenaan kebakaran rumah yang berpunca daripada kerja-kerja memasak di dapur. Contohnya pada 8 Oktober 1910, sebanyak lapan buah rumah kedai di Jalan Ampang terbakar disebabkan api yang berpunca daripada dapur sebuah rumah (*Straits Echo* 1910, 915) manakala dalam kejadian lain di Jalan Dato Kramat, api di dapur telah menyambar bumbung sehingga menyebabkan rumah tersebut hangus terbakar (*Straits Echo* 1911, 461). Hampir setiap rumah kediaman berhadapan dengan risiko kebakaran semasa memasak. Misalnya di Taiping, seorang *amah* (istilah yang digunakan untuk merujuk kepada wanita yang berasal dari India yang menjadi pembantu rumah) kepada Mr. Wijyaratnam mengalami kecederaan parah di bahagian atas badannya akibat api dapur yang menyambar rambutnya (*Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser* 1907, 4). Sementara itu di Alor Star, seorang suri rumah terbakar sehingga meragut nyawanya apabila api dapur menyambar sari yang dipakai semasa mangsa sedang membakar roti (*Morning Tribune* 1937, 3). Peralihan kepada penggunaan dapur elektrik setidak-tidaknya dapat mengelakkan kejadian kebakaran daripada berlaku. Selain api yang boleh diselaraskan, setiap peralatan elektrik turut dilengkapi dengan fius yang berfungsi menyekat arus elektrik daripada terus mengalir apabila melebihi had tenaga barangan tersebut. Tambahan pula, Jabatan Elektrik menetapkan setiap kerja-kerja pendawaian dan pemasangan barangan elektrik hanya boleh dikendalikan oleh mereka yang mahir dan memiliki kelulusan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan, Jabatan Elektrik. Bagi mendapatkan sijil tersebut, mereka perlu lulus peperiksaan sebagai *wireman* (pendawai) yang diadakan di Kuala Lumpur. Tidak cukup dengan itu, setiap pendawaian dan pemasangan yang dibuat akan diperiksa terlebih dahulu oleh Pemeriksa Elektrik sebelum boleh digunakan (*Annual Report and Accounts of the Electrical Department* 1937, 6). Aspek keselamatan yang dititikberatkan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko kebakaran semasa memasak.

Kesimpulan

Menjelang penghujung tahun 1920-an, Kuala Lumpur menyaksikan perkembangan teknologi domestik sebagai pelengkap kepada rumah kediaman moden yang turut melibatkan ruangan dapur. Walaupun hanya mewakili satu ruangan kecil yang terletak di bahagian belakang rumah, dapur telah mengalami proses pemodenan yang sangat ketara sehingga mempengaruhi corak pelaksanaan tugas harian

wanita. Bermula dengan penyediaan kemudahan bekalan elektrik sebagai sumber tenaga utama di rumah kediaman dan diperkemaskan lagi dengan penggunaan barangan elektrik telah menjadikan kerja-kerja di dapur lebih mudah dan cepat. Pembangunan kemudahan bekalan elektrik secara tidak langsung telah mendedahkan wanita dengan teknologi baharu untuk disesuaikan dengan kerja-kerja harian mereka di dapur. Dengan kata lain, peranan di dapur tidak menjadi penghalang kepada wanita untuk memahami kemajuan yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Menyedari kepentingan teknologi domestik dalam membantu melaksanakan kerja-kerja harian di dapur menyebabkan wanita berusaha untuk menguasai kemahiran menggunakan teknologi tersebut. Perkembangan teknologi domestik di Kuala Lumpur ternyata telah membuka ruang kepada wanita untuk meningkatkan lagi kecekapan dan kemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab utama mereka di dapur iaitu menyediakan makanan. Hubungan wanita dengan teknologi domestik sama ada tenaga mahupun barangan elektrik tidak hanya berkisar kepada penggunaan semata-mata namun yang lebih penting telah memperlihatkan berlakunya pendedahan budaya moden dan anjakan kognitif dalam memahami seterusnya menguasai teknologi baharu yang sedang berkembang pesat di Kuala Lumpur. Walaupun seringkali dikaitkan dengan kerja-kerja penyediaan makanan dan ruangan dapur yang kecil, wanita telah mengalami transformasi yang sangat besar sehingga menjadikan mereka sebagai wanita moden.

Nota

1. Menjelang tahun 1920-an, usaha untuk memodenkan struktur fizikal bandar Kuala Lumpur termasuklah rumah kediaman penduduk diperkukuh lagi dengan perlantikan Charles C. Reade sebagai Pegawai Perancang Bandar (Kamalruddin 2015).
2. Walaupun begitu, proses transformasi yang berlaku kesan penggunaan barangan elektrik di dapur tidak melibatkan semua wanita di Kuala Lumpur. Hal ini demikian kerana tempoh sekitar tahun 1927 sehingga 1940-an merupakan fasa permulaan kepada peralihan penggunaan barangan elektrik. Justeru, kumpulan masyarakat yang terawal menggunakan barangan elektrik adalah dalam kalangan golongan elit terutamanya pemodal Eropah dan Cina. Namun secara umumnya, pertambahan penggunaan barangan elektrik di dapur dan usaha yang ditunjukkan oleh wanita untuk menyesuaikan penggunaan barangan tersebut dalam melaksanakan tugas harian merupakan titik permulaan yang sangat penting kepada proses transformasi dalam kalangan wanita.
3. Pembekalan sementara merujuk kepada pembekalan elektrik oleh Jabatan Elektrik yang dibekalkan hanya untuk tempoh sementara sahaja bagi tujuan tertentu seperti majlis pertabalan raja, pameran dan sebagainya. Setelah majlis tersebut berakhir, pembekalan elektrik akan ditamatkan.

4. Di Kuala Lumpur, kilang air batu telah dibina sejak tahun 1888 oleh The Selangor Apothecaries Company (Ahmad Kamal Ariffin 2001, 110).
5. Antara pasar yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur ialah Pasar Besar, Pasar Pudo, Pasar Batu Road, Pasar Ampang, Pasar Setapak, Pasar Sungai Besi, Pasar Sentul dan Pasar Kepong (Ahmad Kamal Ariffin 2001, 111).
6. Sekitar awal abad ke-20, kadar kematian yang tinggi di Kuala Lumpur disebabkan oleh penyakit disentri dan diare berpunca daripada keracunan makanan seperti daging mentah dan susu lembu (Ahmad Kamal Ariffin 2001, 112–113; Noraini 2008, 89–98). Justeru, kaedah penyimpanan begitu dititikberatkan oleh pihak kerajaan bagi memastikan daging mentah dan susu lembu yang mendapat permintaan tinggi di Kuala Lumpur selamat untuk digunakan dan bebas daripada sebarang bakteria.

Rujukan

- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2001. *“Sanitary Board” Kuala Lumpur: Peranan dan pentadbiran, 1890–1914*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Annual Report and Accounts of the Electrical Department. 1927–1939*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2020. The transition of Malay women's role and contribution in the early 20th century. *Journal of Al-Tamaddun* 15(1): 67–84.
- Bird, I.L. 1884. *Golden chersonese and the way thither*. New York: G.P. Putnam's Sons.
- Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser*. 1907. A dangerous practice. 23 March. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/easterndaily19070323-1.2.35?ST=1&AT=advanced&K=kitchen&KA=kitchen&DF=23%2F03%2F1907&DT=23%2F03%2F1907&NPT=easterndaily&L=&CTA=&QT=kitchen&oref=article> (accessed 15 February 2023).
- Edwards, N. 2019. *The Singapore house and residential life, 1819–1939*. Singapore: Talisman.
- Gin, O.K. 1992. Domestic servants par excellence: The black and white amahs of Malaya and Singapore with special reference to Penang. *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 62(2): 69–84.
- Gullick, J.M. 2017. *A history of Kuala Lumpur, 1856–1939*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Hoong, Y.Y. 1969. *The development of tin mining industry of Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Kamalruddin Shamsudin. 2015. *Charles Reade: Town planning British Malaya, 1921–1929*. Selangor, Malaysia: Kamalruddin Shamsudin.
- Ken, W.L. 1965. *The Malayan tin industry to 1914: With special reference to the state of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang*. Tucson, AZ: The University of Arizona Press.
- Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli and Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2018a. Perkhidmatan bekalan elektrik di Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebelum tahun 1940: Perkembangan dan impak ekonomi. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 45(2): 24–46.

- _____. 2018b. Impak elektrik dalam perkembangan industri bijih timah di Selangor dan Perak, 1927–1940. *Jurnal Sejarah* 27(2): 17–30.
- Malaya Tribune*. 1940. Modern homes demand modern refrigeration. 29 November. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/maltribune19401129-1.2.105.2?ST=1&AT=advanced&K=kelvinator&KA=kelvinator&DF=29%2F11%2F1940&DT=29%2F11%2F1940&Display=0&NPT=&L=&CTA=&QT=kelvinator&oref=article> (accessed 27 February 2023).
- _____. 1936. Electricity in the kitchen. 12 December. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/maltribune19361212-1.2.119?ST=1&AT=advanced&K=cooking&KA=cooking&DF=12%2F12%2F1936&DT=12%2F12%2F1936&Display=0&NPT=maltribune&L=&CTA=&QT=cooking&oref=article> (accessed 10 April 2023).
- Morning Tribune*. 1938. Kitchen comfort. 14 March. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/morningtribune19380314-1.2.62?ST=1&AT=advanced&K=kitchen&KA=kitchen&DF=14%2F03%2F1938&DT=15%2F03%2F1938&NPT=morningtribune&L=&CTA=&QT=kitchen&oref=article> (accessed 27 February 2023).
- _____. 1937. Woman burnt to death. 22 December. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/morningtribune19371222-1.2.22?ST=1&AT=advanced&K=kitchen&KA=kitchen&DF=22%2F12%2F1937&DT=22%2F12%2F1937&NPT=&L=&CTA=&QT=kitchen&oref=article> (accessed 15 February 2023).
- Noraini Mohamed Hassan. 2022. Perubahan sikap dan persepsi wanita di Negeri-negeri Melayu Bersekutu terhadap kesihatan sebelum Perang Dunia Kedua. In *Wanita dan kesihatan era kolonial*, eds. Azlizan Mat Enh dan Zubaidah VP Hamzah (ed.), 44–59. Selangor, Malaysia: Penerbit UKM.
- _____. 2008. *Penyakit tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896–1914*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norazilawati Abd Wahad, Ruzaini Sulaiman, Arba'iyah Mohd Noor and Mohd Firdaus Abdullah. 2022. Penglibatan wanita Melayu dalam memperkasakan sosioekonomi dan kesejahteraan hidup menerusi penanaman padi di Terengganu pada awal abad 20. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 92(3): 117–131.
- Norhafizah Ismail. 2015. Evolusi pentadbiran bandar Kuala Lumpur, 1920–1940. In *Dasar dan tadbir dalam sejarah*, eds. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Noor Ain Mat Noor, 291–315. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*. 1938. Cooking by electricity: Demonstration at Town Hall. 24 September. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/pinangazette19380924-1.2.62?ST=1&AT=advanced&K=kitchen&KA=kitchen&DF=24%2F09%2F1938&DT=24%2F09%2F1938&Display=0&NPT=pinangazette&L=&CTA=&QT=kitchen&oref=article> (accessed 15 February 2023).

- _____. 1913. Electric cooking and heating. 11 September. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/pinangazette19130911-1.2.6?ST=1&AT=advanced&K=cooking&KA=cooking&DF=11%2F09%2F1913&DT=11%2F09%2F1913&NPT=pinangazette&L=&CTA=&QT=cooking&oref=article> (accessed 15 February 2023).
- Report on the Public Works Department for the Year 1918*. 1918. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Selangor Administration Report for the Year 1930*. 1930. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Selangor Secretariat File 363/1924. 1924. *Electrical power station site at Bangsar Road*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Selangor Secretariat File 3921/1901. 1901. *Electric lighting scheme for the town of Kuala Lumpur: Report on Messrs Preece and Cardew's*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Selangor Secretariat File 4648/1921. 1921. *Kuala Lumpur electricity supply: Preliminary report by Mr. Bolton*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Sharples, J. 1964. *Central Electricity Board: A long-term forecast of the development of electricity supplies in the state of Malaya*. Kuala Lumpur: Central Electricity Board.
- Straits Echo*. 1911. Fire at Dato Kramat. 2 June. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitsechomail19110602-1.2.130?ST=1&AT=advanced&K=fire&KA=fire&DF=02%2F06%2F1911&DT=02%2F06%2F1911&Display=0&NPT=straitsechomail&L=&CTA=&QT=fire&oref=article> (accessed 15 February 2023).
- _____. 1910. Fire at Kuala Lumpur. 14 October. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitsechomail19101014-1.2.29?ST=1&AT=advanced&K=fire&KA=fire&DF=14%2F10%2F1910&DT=14%2F10%2F1910&Display=0&NPT=straitsechomail&L=&CTA=&QT=fire&oref=article> (accessed 15 February 2023).
- Sunday Tribune*. 1939. Do these gadgets find a home in your home? 29 January. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/sundaytribune19390129-1.2.76?ST=1&AT=advanced&K=kitchen&KA=kitchen&DF=29%2F01%2F1939&DT=29%2F01%2F1939&Display=0&NPT=sundaytribune&L=&CTA=&QT=kitchen&oref=article> (accessed 27 February 2023).
- Swettenham, F. 1906. *British Malaya: An account of the origin and progress of British influence in Malaya*. London: John Lane The Bodley Head.
- Tate, M. 1989. *Power builds the nation: The National Electricity Board of the states of Malaya and its predecessors (Vol. I: The formative years)*. Kuala Lumpur: The National Electricity Board of the States of Malaya.
- The Straits Times*. 1937a. Model kitchen for Malayan “mems”. 10 June. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19370610-1.2.135.9?ST=1&AT=advanced&K=electricity&KA=electricity&DF=10%2F06%2F1937&DT=10%2F06%2F1937&Display=0&NPT=&L=&CTA=&QT=electricity&oref=article> (accessed 3 March 2023).
- _____. 1937b. The advertisements column 1. 30 July. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19371022-1.2.83.1?ST=1&AT=advanced&K=kitchen&KA=kitchen&DF=22%2F10%2F1937&DT=22%2F10%2F1937&Display=0&NPT=straitstimes&L=&CTA=&QT=kitchen&oref=article> (accessed 3 March 2023).

- _____. 1937c. The advertisements column 1. 22 October. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19370730-1.2.70.1?ST=1&AT=advanced&K=kitchen&KA=kitchen&DF=30%2F07%2F1937&DT=30%2F07%2F1937&Display=0&NPT=&L=&CTA=&QT=kitchen&oref=article> (accessed 3 March 2023).
- _____. 1929. The advertisements column 1. 22 November. Retrieved from <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19291122-1.2.74.1?ST=1&AT=advanced&K=kitchen&KA=kitchen&DF=22%2F11%2F1929&DT=22%2F11%2F1929&NPT=&L=&CTA=&QT=kitchen&oref=article> (accessed 27 February 2023).
- Wright, A. 1908. *Twentieth century impressions of British Malaya: Its history, people, commerce, industries, and resources*. London: Lloyd's Greater Britain Publishing Company, Ltd.
- Yeoh, B.S.A. 1996. *Contesting space: Power relations and urban built environment in colonial Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.